

## KETAATAN YANG DIPERINTAHKAN SURAH AL-NISA' : 59

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۗ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ  
فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا



*“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”*

### HURAIAN

Ayat ini dengan sendirinya menjelaskan bahawa masyarakat manusia (beriman) mestilah tunduk dan patuh kepada peraturan. Peraturan yang maha tinggi adalah peraturan Allah S.W.T. Dan inilah yang pertama wajib ditaati. Manusia membuat kebaikan kerana Allah dan menjauhi kemungkaran kerana Allah. Justeru itulah taat kepada Allah menjadi puncak yang sebenarnya daripada seluruh ketaatan. Taat kepada Rasul adalah lanjutan dari taatkan Allah dan dapat disimpulkan bahawa perintah taat kepada Allah dan Rasul itu dengan teguh, memegang kepada al-Quran dan as-Sunnah.

Manakala ketaatan kepada “*ulil Amri*” pula dapat dibahagikan kepada dua; Pertama, dalam hal agama – di mana ia hendaklah semata-mata berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Kedua, dalam urusan duniawi atau umum di mana ia menjadi tanggungjawab seluruh manusia, atas dasar musyawarah yakni mengambil sesuatu keputusan mengikut keputusan syura, dengan berlandaskan al-Quran dan al-Hadis.

Dalam proses syura tersebut, jira berlaku perselisihan (ikhtilaf) pendapat atau pandangan mengenai sesuatu perkara maka hendaklah mengambil keputusan dengan kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah.

### **KESIMPULAN**

Taat kepada Allah S.W.T dan Rasulullah s.a.w adalah menjadi ketaatan yang mutlak dan teratas manakala taat kepada “*ulil Amri*” adalah menjadi kewajipan bagi semua selagi tidak bercanggah dengan hukum agama berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.

Sumber : *Koleksi Artikel Tafsir JAKIM*

© 2009 Masjid Negara Online.

MASJID NEGARA Online